

## BLOK BATIK: IDENTITI DAN KREATIVITI ADIGURU GHANI

*Batik Blocks: Adiguru Ghani's Identity and Creativity*

**Harozila Ramli<sup>1</sup>, Mohd Sazali Mohd Yusop<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA  
harozila@fskik.upsi.edu.my<sup>1</sup>, sazali@kraftangan.gov.my<sup>2</sup>

**Published:** 30 April 2024

**To cite this article (APA):** Ramli, H., & Mohd Yusop, M. S. (2024). Blok Batik: Identiti dan Kreativiti Adiguru Ghani. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 49–61. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.5.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.5.2024>

### ABSTRAK

Blok Batik merupakan satu artifak seni yang digunakan untuk mengecop pada permukaan fabrik khususnya dalam dunia membatik. Keunikan seni blok batik dapat dilihat dari segi penggunaan material, iaitu bermula dari ubi ketang kepada kayu sehingga ditransformasikan kepada tembaga. Keunikan kesenian blok batik ini dapat dilihat menerusi satu kajian melalui blok batik Adiguru Ghani. Kepakaran Adiguru Ghani ini memberikan pendedahan kepada masyarakat untuk memperlihat kepakaran lokal dalam mempengaruhi kreativiti dan identiti masyarakat Melayu dalam seni blok batik di Malaysia. Melalui perkembangan transformasi blok batik, reka corak, reka bentuk, bahan, saiz dan fungsi yang berlaku dapat diterjemahkan melalui karya blok batik Adiguru Ghani. Penyelidikan secara kualitatif dengan pendekatan kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Pengkaji telah memilih daerah Pasir Mas, Kelantan sebagai pusat kajian. Tiga jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu pemerhatian artifak, temu bual dan analisis dokumen. Dapatkan kajian menunjukkan pengaruh persekitaran, permintaan serta perkembangan teknologi yang menyebabkan inovasi kreativiti pada blok batik ciptaan Adiguru Ghani. Kesimpulan daripada kajian ini berjaya merungkai kreativiti blok batik dan memberi pendedahan serta impak pada potensi blok batik. Implikasi dari kajian ini berjaya memartabatkan dan melestarikan warisan kraf negara agar boleh dihayati oleh generasi akan datang.

**Kata kunci:** *blok batik, identiti, kreativiti dan Adiguru Ghani*


### ABSTRACT

*Batik block is an artifact of art that is used to copying on the surface of the fabric, especially in the world of batik. The uniqueness of batik block art can be seen in terms of material use, which starts from potato to wood until it is transformed into copper. The uniqueness of this batik block art can be seen through a study through Adiguru Ghani's batik blocks. Adiguru Ghani's expertise provides exposure to the community to show local expertise in influencing the creativity and identity of the Malay community in batik block art in Malaysia. Through the development of batik block transformation, the prevailing patterns, designs, materials, sizes and functions can be translated through Adiguru Ghani's batik block works. Qualitative research with a case study approach has been used in this study. The researcher has chosen the area of Pasir Mas, Kelantan as the center of the study. Three types of instruments were used in this study, namely artifact observation, temu bual and document analysis. The findings of the study show the influence of the environment, demand and technological developments that led to creative innovation in the batik blocks created by Adiguru Ghani. The conclusion of this study managed to uncover the creativity of batik blocks and provide exposure and impact on the potential of batik blocks. The implications of this study succeed in dignifying and preserving the country's craft heritage so that it can be appreciated by future generations.*

**Keywords:** *batik block, identity, creativity and Adiguru Ghani*

## PENGENALAN


Batik merupakan satu hasil kesenian negara yang halus dan menarik kerana pembuatannya menuntut kepada kepakaran dan kehalusan yang tinggi. Seni batik merupakan satu seni pencorakan yang berasaskan daripada penggunaan lilin dan bahan pewarna dari warna alam semula jadi atau pewarna moden. Bahan utamadalam dunia pembatikan ialah lilin. Fungsi lilin sebagai pemisah warna sebelum proses mewarna. Penggunaan warna boleh diadaptasikan dengan kaedah ikat dan celup ataupun menggunakan sapuan berus. Keunikan seni batik terletak pada reka corak dan kesan yang terhasil daripada penggunaan canting, blok batik dan warna yang menjadikan sehelai kain batik tidak akan sama dengan yang lain. Bermula pada abad ke-15 Masihi, manusia telah menemui cara dan kaedah pembuatan batik secara tradisional. Menurut Mohd Zaki Bin Zakaria (2004), ada menyatakan industri batik yang terdapat di Kelantan pada hari ini telah wujud sejak sebelum perang kedua lagi.



Gambar 1: Peta Kelantan


Sumber: <https://www.visitselangor.com/information/malaysia-maps/map-of-kelantan-state/>

Pada zaman dahulu, masyarakat Melayu secara umumnya menggunakan ubi ketang sebagai medium untuk mengecap corak yang dihasilkan ke permukaan ubi tersebut. Kini, penghasilan batik telah beralih sepenuhnya kepada penggunaan peralatan moden. Industri batik diperkenalkan di negara kita, terutamanya di negeri Kelantan, sejak tahun 1910-an. Pada zaman dahulu, penggunaan ubi ketang dan pelepas pisang sebagai hiasan bagi memenuhi badan kain yang diolah oleh tukang-tukang batik untuk menghasilkan motif dan corak. Norlelawaty Haron, et al (2014), menyatakan selain itu buah-buahan seperti belimbing yang berbentuk seperti geometri dan ia di guna pakai bagi memperbanyakkan serta memenuhi rekaan pada masa itu. Corak yang beraneka ragam dilukis pada permukaan ubi ketang tersebut bertujuan untuk mencapai corak dan bentuk yang menarik dan indah yang akan diterapkan pada kain batik. Penggunaan pelepas pisang dan ubi ketang merupakan teknik asas blok yang digunakan sebelum wujudnya blok-blok kayu yang diukir atau blok-blok tembaga dalam proses pembuatan batik.



**Gambar 2:** Reka Corak Dan Bentuk Ubi Kentang Pada Sehelai Kain

*Sumber: Koleksi Penyelidik*



**Gambar 3:** Reka Corak Dan Bentuk Pelepas Pisang Pada Sehelai Kain

*Sumber: Koleksi Penyelidik*

Blok Batik adalah satu alat yang digunakan untuk membuat batik blok, batik cop, batik terap dan batik pukul. Masterwan Batik (2010), ada mengatakan pada abad ke 15, penggunaan ukiran pada ubi kentang merupakan proses awal dalam sejarah perkembangan pembuatan. Seterusnya penggunaan blok kayu yang diukir dijadikan sebagai blok mengecap dengan menggunakan bahan pewarna hitam semula jadi. Teknik awal ini dikenali sebagai ‘Terap Hitam’. Hanya warna hitam sahaja yang diguna pakai pada ketika itu. Pada tahun 1920-an, lilin dikenalpasti sebagai bahan yang menggantikan pewarna hitam. Penggunaan lilin digunakan secara meluas menggantikan pewarna hitam. Lilin mula diperkenalkan dalam proses penerapan oleh pembuat batik di Pantai Timur semenanjung Malaysia.

Sejarah perkembangan batik di Malaysia dapat dikesan sejak abad ke-15, namun dipercayai bahawa penghasilan batik secara berterusan bermula pada sekitar tahun 1770 hingga 1800. Pada fasa ini, teknik pembuatan batik dilakukan tanpa melibatkan penggunaan lilin. Pada permulaan tahun 1920-an, terdapat perubahan signifikan dalam penghasilan batik apabila penggunaan lilin diperkenalkan oleh pengusaha batik, terutamanya di sepanjang pantai timur semenanjung Malaysia, khususnya di Kelantan dan Terengganu. Kedua-dua negeri ini memainkan peranan penting sebagai peneraju dalam sejarah perkembangan syarikat batik di Malaysia. Pada sekitar tahun 1934, seorang tukang batik yang mahir dari Jawa turut memberikan sumbangan besar dengan mengajar teknik penggunaan lilin serta aplikasi kayu dalam penghasilan batik.

Semasa teknik kain batik pelangi sedang meningkat popular, batik cop pula semakin banyak digunakan berkemungkinan teknik penghasilannya mudah dan cepat. Pada permulaannya blok tersebut diperbuat dari sejenis makanan iaitu ubi kentang dan ubi keladi yang dilakar pada permukaannya reka corak dan reka bentuk bagi tujuan mengecop. Hasil inovasi kreatif oleh Haji Che Su maka terhasillah blok batik kayu berukir yang memudahkan lagi penghasilan batik blok yang lebih cepat dan mudah pada tahun

1940-an. Semasa blok kayu berukir sedang giat digunakan dan sekali lagi inovasi bahan berlaku iaitu logam tembaga.

Sejajar dengan perkembangan dan perubahan tersebut, blok-blok yang terbuat daripada kepingan keluli, khususnya tembaga telah menggantikan peranan blok kayu dalam proses pembuatan batik. Perubahan ini membawa kepada hasil corak yang lebih teratur dan halus daripada blok keluli atau tembaga. Acuan khas ini digunakan untuk menyiapkan lilin ke atas pelbagai bahagian kain batik seperti kepala, kapit, badan, dan kaki kain. Perubahan ini turut melibatkan penyesuaian terhadap corak dan motif yang digunakan pada blok batik. Corak yang dihasilkan daripada blok keluli atau tembaga menunjukkan kehalusan dan ketelitian yang lebih tinggi. Proses pemilihan corak flora dan fauna menjadi kebiasaan dalam motif batik, di mana corak flora diambil daripada pelbagai bahagian tumbuhan berdasarkan pemerhatian terhadap bentuk bunga. Gubahan motif dan corak dalam blok batik tidak hanya bersifat realistik, tetapi juga menggabungkan unsur abstrak, serta gaya geometri dan organik.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Pengumpulan data dilakukan secara pemerhatian secara langsung menerusi artifik blok batik Adiguru Ghani. Kaedah temubual dijalankan bagi memperolehi data secara lisan serta dapat memahami dan melihat visual artikal blok logam dengan jelas. Analisis data dilakukan secara diskriptif dan diuraikan secara terpinci.

### Sejarah Blok Batik

Blok Batik merupakan satu peralatan yang dihasilkan daripada sumber logam yang digunakan untuk menghasilkan batik blok atau batik cop. Blok batik mempunyai nilai dan keistimewaannya tersendiri. Tidak seperti alatan-alatan bantuan yang lain seperti canting, blok batik mempunyai karektornya seperti teguh, halus dan berestetika tinggi. Nilai seninya yang tinggi telah disokong oleh Syed Ahmad Jamal yang mengatakan melalui kesedaran bahawa karya seni adalah objek material yang mengandungi semangat magis, kita dapat mengamati karya seni. Karya seni dianggap sebagai objek "ideal" untuk perasaan pemerhati.

Pada abad ke 20 sekitar tahun 1911, pembuat batik di pantai timur Kelantan dan Terengganu telah mendapat galakan dan dorongan pemerintah British di Tanah Melayu bagi memajukan industri batik ini. Galakan ini lebih menjurus kepada penghasilan batik yang jauh lebih murah bagi kegunaan golongan berpendapatan rendah dan miskin yang tinggal di luar bandar. Arney.S. (1987), Teknik terawal di Malaysia yang diperkenalkan ialah Batik Blok. Bagi penggiat batik, ini merupakan peluang yang baik dalam industri batik. Selain itu, bagi Mohd Johari Abd Hamid melalui buku Asas Seni Visual ada menyatakan untuk mencipta gubahan artistik yang menarik, prinsip reka bentuk mesti diterapkan dalam aktiviti kreatif. Ini adalah prosedur penting untuk menyusun elemen artistik dan mencipta karya yang berkualiti.

Kewujudan blok batik berkait erat dengan sejarah penciptaan dan perkembangan batik. Asal-usul penciptaan batik sukar dipastikan dengan tepat. Pada permulaan perkembangan industri batik, aktiviti pencelupan kain telah dijalankan oleh masyarakat di beberapa buah negara seperti India, Mesir, Parsi, Turki, China, dan Jepun. Walaupun begitu, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa penggunaan lilin, blok, dan canting dalam proses pembuatan batik yang diamalkan di Malaysia hingga kini bermula dari Kepulauan Melayu. Pandangan ini disokong oleh fakta bahawa penggunaan bahan perantara yang berbeza telah digunakan oleh pelaku industri dan penggiat seni batik di seluruh dunia. Walaupun jenis bahan perantara berbeza, fungsi utamanya tetap sama iaitu sebagai bahan yang menghalang warna untuk menyerap ke dalam permukaan kain.

Bermula dari lakaran pada ubi kentang seterusnya pada bongkah kayu sehingga munculnya penghasilan blok batik pengganti kepada tradisi-tradisi lama. Blok batik yang dihasilkan lebih mudah

jika ingin dibandingkan dengan lakaran ubi dan bongkah kayu. Kemunculan blok batik banyak menyumbang kepada kepesatan industri batik blok. Oleh sebab penghasilannya yang adakalanya mudah dan rumit mengakibatkan ia terbahagi kepada dua faktor. Faktor yang pertama ialah reka corak. Jika reka corak yang dihasilkan rumit maka pembuatannya sukar dan memakan masa. Faktor yang kedua pula ialah ketelitian pembuat. Setiap pembuat blok batik hasil pastinya mempunyai daya kreativiti dan kesabaran yang tinggi dalam membentuk setiap bentuk mengikut kehendak dan kemahuan orang yang menempah blok.



**Gambar 8:** Blok Batik Kayu

*Sumber: Muzium Kraftangan Malaysia, Jalan Conlay Kuala Lumpur*

Blok kayu yang digunakan terlebih dahulu diukir corak pada permukaannya. Ukiran yang terdapat pada blok kayu adalah bertujuan untuk menerap atau pun mengecap pada permukaan kain. Ukiran pada blok kayu menghasilkan reka corak dan reka bentuk mengikut corak yang diukirkan. Ukiran yang dihasilkan mestilah ukiran timbul pada permukaan kayu bagi memudahkan proses memindah reka corak dan reka bentuk pada kain yang ingin di terapkan.



**Gambar 5:** Peralatan Yang Digunakan Untuk Membuat Ukiran Kayu

*Sumber: <https://www.bukalapak.com/p/perlengkapan-kantor/din8g-jual-alat-pahat-ukirkayu-kualitas-3-paket-1>*



**Gambar 6:** Blok Batik Kayu

*Sumber: Muzium Kraf. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Kuala Lumpur*

Gambar 5 di atas adalah peralatan dan gambar 6 adalah blok batik kayu yang asal masih disimpan dan dijaga dengan baik oleh Muzium Kraftangan Malaysia Kuala Lumpur. Sebelum transformasi berlaku, dahulu blok batik adalah diperbuat dari kayu. Ukiran yang dihasilkan adalah mengikut permintaan dan tidak semua orang mampu membuat ukiran diaats kayu tersebut. Apabila evolusi besi berlaku, secara tidak langsung tempiasnya dirasai oleh pembuat blok batik. Percubaan dilakukan akhirnya blok batik tembaga dihasilkan mengikut saiz yang ditetapkan mengikut harga besi semasa dunia.



**Gambar 7:** Bahan Dan Peralatan Pembuatan Blok Batik Tembaga

*Sumber: Hasil temubual di lapangan Kuala Lumpur Kraftangan Malaysia. Kuala Lumpur*


Pada tahun 1950-an, pengusaha batik di Tanah Melayu memulakan pengeluaran blok batik dengan menggunakan tin, yang dikenali sebagai teknik batik blok, batik terap, atau batik cop. Penggunaan bahan tin kemudiannya digantikan dengan tembaga oleh kerana faktor ketahanan dan cara penghasilan yang didapat lebih mudah, murah dan praktikal diteruskan sehingga ke hari ini. Penggunaan blok tembaga menggantikan blok ukiran kayu yang semakin lama semakin berkurangan oleh kerana pembuat blok tembaga lebih selesa dan mudah membuat dan menghasilkan blok tembaga dengan menggunakan kepingan logam. Faktor ketahanan dan pembuatan yang lebih halus ditambah pula pengaliran dan keberkesanan cop menyebabkan penggunaan dan permintaan terhadap blok ukiran kayu semakin lama semakin berkurangan.

Noraiani A. Shariff (2010) mencatat bahawa pada abad ke-20, blok Sarang Bunga menjadi ciri utama dalam sejarah perkembangan batik di Kelantan. Blok ini diperbuat daripada besi dan tembaga, dan dikelola oleh keluarga Haji Che Su Bin Ishak, yang merupakan pionir dalam industri batik di negeri tersebut. Sarang atau blok batik ini berfungsi sebagai alat pemindap yang digunakan untuk mencetak corak dan reka bentuk pada kain putih. Abdullah Mohamed (1990) menyebutnya sebagai sarang bunga, merujuk kepada perkakas yang digunakan untuk mencorakkan reka bentuk batik melalui kaedah blok.

Blok batik mempunyai maksud yang tersendiri dan ini bertepatan dengan adat dan budaya masyarakat Melayu. Menurut Ibrahim @ Mahadi Deraman (2017), blok batik bukan sahaja dianggap sebagai

sebatang kain yang dihiasi, malah dianggap sebagai suatu warisan dan warisan budaya yang terserlah melalui rekaan batik. Motif dan warna yang dipilih dalam proses penciptaan batik ini mencerminkan identiti yang amat signifikan dan seharusnya dihargai oleh masyarakat. Bagi Rose Slivka (1968), mengkategorikan maksud kraf sebagai suatu tindakan pengubahsuaian bahan mengikut kehendak dan permintaan tukang yang sentiasa mengekalkan kebenaran kehendak manusia. Kewujudan objek alam sebenar dijadikan sebagai seni yang mempunyai fungsinya tersendiri. Hasil daripada sejarah lampau, kraf menjadi objek yang mempunyai nilai dan maksud yang tersendiri pada pembuat dan menggunakan bagi tujuan fitrah manusia. Penerangan tersebut dikukuhkan lagi dengan kata-kata Syed Ahmad Jamal Rupa dan Jiwa halaman 10 (1997), menyatakan:

"Untuk menentukan tahap sesuatu benda itu layak dipanggil karya seni atau tidak, kita hanya dapat melakukannya dengan merujuk kepada status sosial benda itu."



**Gambar 9:** Blok Batik Kayu

*Sumber: Muzium Kraftangan Malaysia, Jalan Conlay Kuala Lumpur*

Bagi pembuat blok batik yang dinobatkan sebagai Adiguru Md Ghani bin Mat penjagaan blok batik amat dititik beratkan kerana penjagaan blok batik yang baik akan meningkatkan lagi usia blok batik tersebut. Hasil penemuan transformasi ini, ia memberi impak yang sangat besar terhadap batik blok. Antara aspek yang menarik perhatian ialah kualiti rekaan dan penciptaan corak, di mana reka bentuk yang cekap mampu menghasilkan corak yang lebih halus, menarik, lembut, dan memukau.

Apabila bercerita tentang reka corak reka bentuk pastinya kain sarung bermain di fikiran, kita akan berfikir dan secara tidak langsung menyentuh berkenaan kain pelikat dan kain batik. Nurlawati Harun et al. (2014), menyatakan dalam penciptaan sains dan teknologi Melayu, Islam jelas terpancar. Motif pada rumah dan pakaian Melayu lama adalah bukti yang boleh dilihat menunjukkan perkara ini. Unsur-unsur semula jadi seperti bunga dan buah-buahan digunakan dalam kedua-dua objek ini kerana Islam melarang meniru manusia atau haiwan. Oleh itu, karya seni hanya menggunakan unsur-unsur yang dibenarkan dalam Islam.

Kepelbagaiannya reka bentuk yang unik dan penggabungan bahan baharu telah menggiatkan semula industri pengeluaran dan terutamanya syarikat batik di Malaysia. Motif dan rekaan dalam batik mendapat inspirasi daripada keindahan alam semula jadi, terutama flora dan fauna. Kreativiti ini kemudian dipertingkatkan dengan penyatuan corak geometri atau abstrak, memberikan kesan yang lebih memukau dan menarik.

## **KENALI ADIGURU BLOK BATIK MD GHANI BIN MAT**



**Gambar 4:** Adiguru Ghani

*Sumber: Koleksi Penyelidik*

Adiguru Mohd. Ghani bin Mat merupakan anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan. Dilahirkan pada 23 Disember 1956 dan mempunyai 5 orang adik beradik. 3 daripada 5 orang adik beradiknya termasuk beliau terlibat dalam perusahaan batik. Beliau mendapat pendidikan awal di SIS Primary School, Pasir Mas Kelantan dalam aliran Inggeris sehingga darjah enam dan beliau mengambil keputusan untuk berkerja setelah tamat persekolahan.

Pada tahun 1972, Adiguru Mohd. Ghani mula mempelajari kemahiran pembuatan blok batik ketika beliau berusia 16 tahun. Beliau mendapat pendidikan membuat blok batik selama dua tahun secara langsung bersama Mohd. Zin bin Ali di Kampung Lundang. Ketika itu, Adiguru Ghani belajar sambil bekerja membuat blok batik menggunakan kepingan besi (zink). Beliau membina bengkel di bawah rumahnya untuk memulakan perusahaan membuat blok batik pada tahun 1974 di Sungai Budor.

Adiguru Mohd. Ghani kerap diundang untuk mengambil bahagian dalam demonstrasi pembuatan blok batik serta bertindak sebagai pengajar dalam bengkel-bengkel blok batik. Dalam memartabatkan industri serta wrisan blok batik, Adiguru Mohd. Ghani memberi komitmen dan kerjasam dalam beberapa program anjuran Kraftangan Malaysia. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sangat menghargai jasa serta pengalaman yang dimiliki oleh beliau dengan menobatkan gelaran Adiguru Kraf Blok Batik pada tahun 2011.

## **IDEA MOTIF MENERUSI BLOK BATIK OLEH ADIGURU GHANI**

Kreativiti merupakan kemampuan atau kebolehan untuk mencipta, menghasilkan, dan membentuk sesuatu yang baru atau memiliki bentuk asli. Kebolehan Adiguru Ghani dalam transformasikan blok batik bermula pada tahun 2006 akibat dari kesedaran dan kreativiti yang diketengahkan sebagai satu hasil seni yang bakal menjadi tanda perubahan dalam bidang pembuatan blok batik tembaga. Tahun 2006 adalah permulaan perubahan yang dilakukan pada penghasilan blok batik tembaga. Hasil penyelidikan yang diperolehi adalah melalui kajian dan pemerhatian demi menyelamatkan khazanah pembuatan blok batik.

**Jadual 1:** Motif Bunga Okid, 2006 – 2007, Tembaga Kuning, 8.5x11 inci, 640gm

| Gambar Motif   | Blok Batik  | Lukisan Digital   |
|--|---|---|
| <br>Motif Bunga Kemboja |  |  |

*Sumber: Koleksi En. Ibrahim @Mahadi di Ayu Fashion*

Melalui kerja lapangan yang dilakukan, hasil daripada kesan cetakan yang dilakukan pada sehelai kertas menggunakan blok batik tembaga asal dapat menunjukkan saiz sebenar motif yang digunakan. Para usahawan sangat mesra dengan motif flora kerana faktor agama dahulu yang telah menggariskan beberapa panduan dalam penghasilan rekaan. Hasil penyelidikan yang diperoleh melalui kajian dan pemerhatian demi menyelamatkan khazanah negara pembuatan blok batik, adiguru Ghani telah mempelbagaikan fungsi blok batik kepada beberapa kegunaan dan akan mempelbagaikan lagi fungsi mengikut kreativiti dan idea.


**Jadual 2:** Motif Bunga Kemboja, 2007 – 2008, Tembaga Kuning, 6x11 inci, 730gm

| Gambar Motif   | Blok Batik  | Lukisan Digital   |
|--|---|---|
| <br>Motif Bunga Kemboja |  |  |

*Sumber: Koleksi En. Ibrahim @Mahadi di Ayu Fashion*

Pemerhatian pada reka bentuk tidak banyak bezanya blok batik tahun yang lalu. Sebagaimana bentuk asal dan begitulah juga reka corak dan bentuknya. Saiz blok yang besar dan berat ditambah pula rekaan dan bentuk yang kasar mudah dianggarkan tahun pembuatannya. Kesan cop tersebut dapat menunjukkan saiz sebenar motif yang dihasilkan. Fungsi blok batik yang dihasilkan adalah bertujuan untuk mengecop dan disebalik daripada itu, fungsi yang ditransformasikan adalah menjadi hiasan. Hasil kajian mendapati kebanyakkhan perusahaan batik blok berpakaat tidak mahu menggunakan subjek atau objek yang bernyawa banyak faktor yang mempengaruhinya, antaranya adalah agam.



**Jadual 3:** Motif Rebung Buluh, 2009 – 2010, Tembaga Kuning, 4.5x6.5 inci, 447gm

| Gambar Motif  | Blok Batik   | Lukisan Digital   |
|---|--|---|
|  <p>Motif Rebung Buluh</p> |  |  |

*Sumber: Koleksi En. Ibrahim @Mahadi di Ayu Fashion*

Reka bentuk dan reka corak bagi blok batik tahun 2009-2010 ini adalah menggunakan motif flora iaitu Rebung Buluh. Melalui kajian dan pemerhatian dalam memartabatkan blok batik tembaga, Adiguru Ghani melakukan transformasi pada fungsi dan kegunaan blok batik tembaga yang dihasilnya. Transformasi ini bertujuan ingin menjadikan blok batik tembaga lebih berdaya saing dan menjadi satu dapatan hasil yang boleh dibanggakan oleh negara.


**Jadual 4:** Motif Geometri, 2010 – 2011, Tembaga Kuning, 7x7.5 inci, 73gm

| Gambar Motif  | Blok Batik  | Lukisan Digital   |
|---|---|---|
|  <p>Motif Geometri</p> |  |  |

*Sumber: Koleksi En. Ibrahim @Mahadi di Ayu Fashion*

Motif geometri mendominasi reka bentuk dan reka corak pada blok batik tembaga yang dihasilkan pada tahun 2010-2011. Dari penelitian yang telah dilakukan terhadap motif-motif blok batik tembaga telah mendapati motif, reka corak dan reka bentuk blok batik ini bersumberkan bentuk geometri. Motif mengalami perubahan dengan sebahagian besarnya membuat teknik ulangan pada bentuk geometri yang dihasilkan. Transformasi fungsi blok batik tembaga telah mengubah persepsi masyarakat dengan cara kepelbagaiannya kegunaan blok batik.

**Jadual 5:** Motif Bunga Bintang Pecah Lapan, 2013 – 2014, Tembaga Kuning, 5.5x5.5 inci, 45gm

| Gambar Motif   | Blok Batik  | Lukisan Digital   |
|--|---|---|
| <br>Motif Bunga Bintang Pecah Lapan |  |  |



*Sumber: Koleksi En. Ibrahim @Mahadi di Ayu Fashion*

Motif bunga bintang pecah lapan menjadi motif pilihan pereka blok batik. Reka corak dan reka bentuknya yang kecil dan padat menjadikan ia pilihan rekaan terbaik bagi tahun 2013-2014. Blok batik pada asalnya hanya digunakan untuk mengecop batik kini penggunaannya diperluaskan menjadi salah satu objek untuk hiasan dan cenderamata. Transformasi ini berlaku demi mempelbagaikan fungsi blok agar tidak terbatas kegunaannya.



**Gambar 6:** Blok Batik Tembaga Sebagai Hiasan  
*Sumber: Koleksi Penyelidik*

**Jadual 6:** Motif Bunga Lawang dan Motif Tampuk Manggis, 2015 – 2016, Tembaga Kuning, 9x6 inci, 65gm

| Gambar Motif  | Blok Batik  | Lukisan Digital   |
|---|---|---|
|  <p>Motif Bunga Lawang</p>   |  |  |
|  <p>Motif Tampuk Manggis</p> |   |   |

*Sumber: Koleksi En. Ibrahim @Mahadi di Ayu Fashion*

Blok batik tembaga yang bermotifkan daripada sumber flora Bunga Lawang dan Tampuk Manggis. Hasil dapatan yang diperoleh melalui kajian dan pemerhatian telah mendapati industri pembuatan blok batik dapat diberi suntikan dan nafas baru, apabila ia ditransformasikan fungsi blok batik tembaga kepada kepelbagaiannya fungsi dan kegunaan mengikut kreativiti dan kesesuaian semasa.

Kesimpulannya, blok batik adalah hasil adaptasi daripada sumber alam semula jadi, terutamanya terinspirasi oleh flora dan fauna. Bahagian-bahagian tumbuhan menjadi sumber inspirasi untuk reka bentuk, termasuk bentuk bunga, yang diaplikasikan dalam olahan motif dan corak secara realistik dan abstrak. Corak yang direka pada blok batik, baik dalam era dahulu maupun kini, kebanyakannya mencerminkan pengaruh dan kepelbagaiannya sumber alam sekitar. Reka corak blok batik dahulu dan sekarang sangat dipengaruhi oleh keindahan alam semulajadi. Motif-motif asal yang digunakan pada blok batik juga dipilih dengan merujuk kepada nilai-nilai falsafah. Seperti yang dinyatakan oleh Adiguru Md Ghani bin Mat (2012), adalah penting untuk mengekalkan nilai-nilai falsafah dan identiti dalam usaha memartabatkan kraf warisan negara ini.

Perubahan reka corak reka bentuk pada blok batik saling berkait dengan perubahan zaman dan peredaran waktu masa kini. Seperti yang diketahui, reka corak dan bentuk blok tidak banyak bezanya seperti dua tiga puluh tahun yang lalu tetapi apabila ia melalui transformasi maka reka corak dan bentuk menjadi lebih realistik, menarik dan lebih kreatif. Kepelbagaiannya fungsi yang bermula hanya sebagai alat mengecop kini fungsinya telah berubah menjadi sebagai alat hiasan, cenderamata dan ikon sejarah blok batik yang berjaya. Transformasi ini merangkumi sebab-sebab, faktor-faktor yang berlaku pada blok batik tersebut. Pengaruh reka corak reka bentuk dan fungsi menjurus kepada transformasi blok batik sebagai sesuatu yang lain daripada yang lain mengikut kehendak dan peredaran semasa.

## KESIMPULAN

Kreativiti memegang peranan utama dalam seni blok batik, terutamanya melalui inovasi dalam reka bentuk, penggabungan elemen tradisional dengan unsur kontemporari, dan pengembangan menerusi kepelbagaian teknik. Pemilihan warna yang tepat dan kontras mampu memberikan dimensi tambahan, sementara kelebihan kompetitif di pasaran menyumbang kepada pengiktirafan dan sokongan kewangan bagi tukang blok batik. Dalam konteks pelestarian warisan budaya, kreativiti bukan hanya melestarikan, tetapi memastikan seni batik terus berkembang dan relevan dalam masyarakat kontemporari. Pendekatan pendidikan dan perubahan budaya melibatkan penggunaan kreativiti sebagai alat untuk mengajar dan meneruskan warisan tradisional kepada generasi muda. Peranan Adiguru Ghani bukan sahaja memberikan ilmu yang berkesinambungan kepada generasi, tetapi juga menonjolkan semangat dan pengabdian beliau dalam bidang ini. Khidmat juang yang dijalankan oleh beliau wajar diberikan pujian dan dihargai. Usaha beliau yang berterusan untuk memastikan pembangunan kreativiti, khususnya dalam bidang seni blok batik dan seni kraf, adalah penting untuk memastikan kelestarian dan kesinambungan bidang tersebut. Keseluruhannya, kreativiti menjadi aspek integral dalam pembangunan seni blok batik, menjadikan seni kraf tradisional Melayu terus hidup.

## RUJUKAN

- Arney, S. (1987). Malaysian Batik Creating New Traditions. Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia
- Mahadi @ Ibrahim Deraman. (2016). Khazanah Batik Blok. Akhbar Metro
- Masterwan Batik. (2010). Motif Dan Sejarah Batik Di Malaysia (Sejarah Batik). Retrieved from <http://ruangseni.blogspot.my/2012/02/sejarah-batik-malaysia.html>
- Noelelawaty Haron et. all. (2014). Evolusi Penggunaan Blok dan Teknik Pembuatan Batik di Malaysia: Satu Pengenalan, Isu-Isu Sain dan Teknologi Di Alam Melayu. Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Noraiani A. Shariff. (2010). Seni Kraf Pilihan Terengganu. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Rose Slivka. (1968). The Crafts Of The Modern Worl. New York: Horizon Press.
- Siti Zainon Ismail. (1986). Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). Rupa & Jiwa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- VisitSelangor.com. (2021, May 26). Map of kelantan state. Visit Selangor. Retrieved January 23, 2023, from <https://www.visitselangor.com/information/malaysia-maps/map-of-kelantan-state/>